

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rujukan Fail: ISO9001:2015	LAPORAN KETAKAKURAN (NON-CONFORMITY REPORT) Klasifikasi : Minor Standard : MS ISO 9001: 2022	Tarikh Audit : 28 Julai 2022
Jenis Audit: Audit Dalaman		

Nama Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Galeri Azman Hashim UMS (GAH-UMS) (PIPS)
Bahagian 1 - Butiran Ketakkuran Keperluan: Klausa 5.1 - Kepimpinan dan komitmen Pengurusan atasan hendaklah menunjukkan kepimpinan dan komitmen tentang sistem pengurusan kualiti dengan: -Memastikan dasar kualiti dan objektif kualiti diwujudkan untuk sistem pengurusan kualiti dan adalah bersesuaian dengan konteks dan hala tuju strategik organisasi -Mengkomunikasikan pentingnya pengurusan kualiti yang berkesan dan keakuran terhadap keperluan sistem pengurusan kualiti - Memastikan bahawa sistem pengurusan kualiti mencapai hasil yang dimaksudkan Penemuan: -PIPS belum mewujudkan objektif kualiti/KPI jabatan selaras dengan KPI Universiti dan mencapai tanda aras yang diperlukan dalam SPK. -Tiada kaedah pengukuran KPI dan tidak dianalisis serta tidak diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIPS. -Analisis pencapaian KPI tahun 2022 tiada dilaksanakan. -Objektif kualiti jabatan perlu dikomunikasikan dengan semua kakitangan. Adalah dicadangkan agar mesyuarat bersama kakitangan PIPS dilaksanakan secara berkala. -Carta fungsi perlu disediakan berdasarkan kepada carta organisasi. -Perkara ini juga merupakan penemuan/teguran yang sama dalam Audit MS ISO 9001:2015 pada tahun 2021. Bukti Penemuan: - Sesi temubual bersama Auditee (En. Izham Abu Bakar dan Puan Sharon Tan). -Semakan terhadap Terma Rujukan Mesyuarat Eksekutif menunjukkan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) termasuk pencapaian KPI tidak dibincangkan atau tidak dimasukkan sebagai agenda dalam mesyuarat. Auditor : _____ Nama: STELLA @ NURUL MARTINI GONTOL

Bahagian 2 - Keputusan hasil penyiasatan dan pengenalpastian punca

1. Pelan Strategik PIPS telah diwujudkan pada tahun 2021 dan pelan ini adalah berdasarkan objektif kualiti UMS. Sasaran pencapaian KPI dalam pelan tersebut dilaporkan dalam Mesyuarat JK Eksekutif PIPS.
2. PIPS ada melaksanakan perhimpunan bersama semua kakitangan namun perhimpunan ini lebih kepada "team building" dan santai.
3. Carta fungsi PIPS telah disediakan mengikut carta organisasi dan menunjukkan fungsi setiap bahagian/sektor/seksyen yang berkenaan. Walau bagaimanapun, PIPS dalam perancangan untuk menambahbaik struktur carta organisasi.

Auditee:

Nama: SHARON TAN

Bahagian 3 - Pelan Tindakan Pembetulan termasuk tarikh pelaksanaan

1. TOR Mesyuarat Pusat PIPS akan disediakan. Tujuan mesyuarat adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti pusat dan membincangkan isu-isu berkenaan bersama Pengarah dan semua kakitangan PIPS.
2. Perancangan untuk mengadakan retreat PIPS untuk membincangkan halatuju PIPS termasuk penstrukturan carta PIPS dijadualkan berlangsung pada penghujung tahun 2022.

Auditee:

Nama: SHARON TAN

Bahagian 4 - Verifikasi

1. TOR Mesyuarat Eksekutif PIPS telah disediakan. Walaubagaimanapun TOR ini perlu dikemaskini dengan memasukkan agenda semakan dan laporan pencapaian KPI PIPS agar semakan KPI dapat diadakan secara berkala.
2. PIPS dalam proses mengemaskini Carta Organisasi dan Carta Fungsi.
3. PIPS akan menyediakan TOR Mesyuarat PIPS yang akan melibatkan semua kakitangan.

Auditee:

Nama: SHARON TAN

Disemak Oleh:

MASHILLA NILUS

Penutupan NCR : **Ya**

Tarikh : 06 September 2022